

29/08/2001

Guru besar enggan minta maaf

Shamshul Azree Samshir; Yahya Awang
IPOH, Selasa - Guru besar Sekolah Kebangsaan Methodist, Pokok Asam, Tengku Habsah Tengku Petera enggan meminta maaf kepada Jabatan Pendidikan Daerah berhubung kes seks oral empat pelajar sekolah itu seperti yang didedahkannya, baru-baru ini.

Tengku Habsah yang juga Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), berkata kesatuan berpendirian beliau tidak perlu meminta maaf dan pandangan itulah menjadi pegangannya.

"Malah, setakat ini saya masih belum menerima arahan daripada Pegawai Pendidikan Daerah (PPD) Larut Matang dan Selama supaya saya meminta maaf kepada Pengarah Jabatan Pendidikan negeri," katanya ketika dihubungi Berita Harian di sini, hari ini.

Tengku Habsah berkata, sebagaimana pendirian NUTP yang tidak mahu permintaan maaf dikemukakan, beliau menganggap apa yang dilakukan adalah dengan niat yang jelas iaitu demi kebaikan semua pihak.

Beliau yang keberatan mengulas isu itu lagi berkata, pegawai pendidikan daerah (PPD) Larut Matang dan Selama sudah menemuinya di sekolah, minggu lalu bagi membincangkan kes seks oral itu.

"Saya sudah terangkan kes itu dengan sejelas-jelasnya kerana ia memang sudah berlaku dan tidak boleh disembunyikan.

"Tujuan ia didedahkan adalah untuk kebaikan bersama dalam memastikan akhlak pelajar terbentuk baik, seterusnya menjadi warga negara Malaysia yang baik, bertanggungjawab, berdisiplin dan tidak mudah terpengaruh dengan perkara yang tidak baik.

"Malah kita mengharapkan pelajar dielak daripada gejala tidak sihat," katanya.

Tengku Habsah mengakui beliau tertekan kerana pelbagai tuduhan dilemparkan ke atasnya berikutan tindakannya mendedahkan kes seks oral membabitkan empat murid sekolah itu.

Katanya, beliau kesal tindakannya itu disalahertikan, malah mendakwa banyak fakta tidak betul dilaporkan termasuk dakwaan kononnya beliau gagal mematuhi prosedur Jabatan Pendidikan dalam menangani kes seks oral itu.

"Tolonglah, kalau boleh jangan lagi disiarkan kenyataan saya mengenai isu ini. Keadaan sudah menjadi cukup tertekan, ia sudah menjadi isu yang cukup sensitif.

"Kalau anda mahu kenyataan, mintalah daripada Setiausaha Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Datuk Siva Subramaniam. Janganlah tanya saya lagi," katanya.

Tengku Habsah berkata, beliau tidak berani lagi mengeluarkan kenyataan kerana isu pendedahan seks oral itu sudah menjadi cukup sensitif.

Sementara itu, sumber memberitahu Berita Harian, kejadian seks oral membabitkan empat murid Tahun Dua itu dilaporkan kepada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) pada 16 Ogos lalu, iaitu sehari selepas kejadian itu.

Sumber itu berkata, laporan lengkap mengenai kejadian itu dikemukakan kepada PPD dan Pegawai Perhubungan Sekolah sehari selepas kejadian itu.

"Laporan polis kemudian dibuat pada 20 Ogos lalu," katanya.

Baru-baru ini, Tengku Habsah mendedahkan kes empat murid Sekolah Kebangsaan Methodist, Pokok Asam melakukan seks oral sehingga mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tindakan Tengku Habsah itu dikecam pelbagai pihak, malah Jabatan Pendidikan dilihat seolah-olah tidak berpuas hati dengan tindakan beliau, malah jabatan dikatakan mahu 'menyapu habuk ke bawah hampan'.

Akhbar tempatan hari ini melaporkan, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mempertahankan tindakan Tengku Habsah dengan alasan tidak salah pendedahan itu dibuat bagi membolehkan polis mengambil tindakan.

Abdullah dilaporkan berkata, sekolah perlu melaporkan semua kejadian keganasan dan jenayah juvana termasuk rogol.

Sebelum ini, seorang pegawai pendidikan daerah meminta Tengku Habsah meminta maaf kepada Jabatan Pendidikan kerana membuat pendedahan itu.

Tengku Habsah mendakwa, empat murid Tahun Dua sekolah itu melakukan seks oral di bawah meja di bilik darjah.

Siasatan mendapati seorang daripada murid itu mengulangi apa yang dilihatnya selepas menonton video lucah bersama ibu bapanya pada malam sebelumnya.

(END)